

## SIARAN MEDIA

### PROJEK RINTIS BADAN PENDAMAI BANTU PENGURUSAN KRISIS RUMAHTANGGA

**KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi memperkukuh kolaborasi strategik dalam usaha memperkasa institusi keluarga dan pengurusan krisis rumah tangga secara lebih holistik.

YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapannya menyambut baik kerjasama LPPKN dan JPN dalam Projek Rintis Badan Pendamai sebagai inovasi baharu dalam sistem sokongan keluarga negara. Projek ini menggabungkan prosiding tribunal dan sesi kaunseling yang sebelum ini dijalankan secara berasingan bagi menyediakan satu saluran yang lebih teratur, profesional dan menyeluruh kepada pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga.

Projek Rintis Badan Pendamai yang bermula pada Oktober 2024 telah merekodkan impak positif yang signifikan di mana sebanyak 16 peratus pasangan yang pada awalnya berhasrat untuk berpisah berjaya didamaikan, manakala 33 peratus pasangan bersetuju mengikuti sesi kaunseling perkahwinan dan keluarga di bawah LPPKN.

Inisiatif ini melibatkan ruang pra-perundangan untuk membantu pasangan yang masih mencari penyelesaian sebelum kes perceraian difailkan di mahkamah. Ia juga melibatkan penyediaan platform kaunseling dan konferens keluarga yang lebih mudah diakses dan kondusif serta menjadi mekanisme pemerkasaan perkhidmatan sosial secara empirikal di mana pembangunan intervensi adalah berdasarkan penyelidikan.

MoU yang ditandatangani pada hari ini melibatkan kerjasama dalam tiga bidang utama iaitu:

- i. **Latihan dan Pembangunan Kepakaran** - LPPKN bertindak sebagai pakar rujuk dalam latihan, pembangunan model dan garis panduan bagi pelaksanaan Badan Pendamai;
- ii. **Penyelidikan dan Program Pembangunan** - Kedua-dua pihak akan melaksanakan penyelidikan dan program berkaitan bagi menambah baik pelaksanaan dan keberkesanan perkhidmatan; dan
- iii. **Perluasan Projek Rintis Badan Pendamai** - Projek yang kini dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan diperluas ke negeri-negeri lain secara berfasa.

KPWKM menegaskan bahawa kolaborasi strategik ini bukan sahaja memperkukuh jaringan antara agensi malah memperteguh harapan agar setiap keluarga di Malaysia dapat menikmati kehidupan yang harmoni, berdaya tahan dan penuh kasih sayang.

Turut hadir dalam majlis ini, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Dalam Negeri (KDN), YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri KDN, YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN, YBhg. Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, YBhg. Dato' Badrul Hisham Alias, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan serta Agensi KPWKM dan KDN.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
30 OKTOBER 2025**